

PENGANIAYAAN KANAK-KANAK: SUATU KAJIAN  
MENGIKUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

WAN NOOR HAZLINA WAN JUSOH

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511565952

**PENGANIAYAAN KANAK-KANAK: SUATU KAJIAN  
MENGIKUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA**

**WAN NOOR HAZLINA WAN JUSOH**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH  
BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2003**

## *DEDIKASI*

2

*Ditujukan khas buat suami tersayang, Izudin Ismail dan anak-anak tercinta,  
Muhammad Hasif Fitri dan Muhammad Hanif Fahmi. Kalian adalah kekuatan  
buatku.*

02/02/2024

## ***ABSTRAK***

Kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak telah meningkat secara mendadak dalam tahun-tahun 1990an dan ia telah menjadi masalah kritikal yang membimbangkan masyarakat dan juga kerajaan. Ini kerana, penganiayaan kanak-kanak bukan sekadar masalah individu atau keluarga, bahkan juga memberi kesan yang negatif kepada masyarakat. Justeru, di sana terdapat satu keperluan untuk memperjelaskan masalah penganiayaan kanak-kanak ini secara menyeluruh. Antara objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti bentuk-bentuk penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak serta menilai faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kes-kes berkaitan dengan penganiayaan kanak-kanak. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai kesan-kesan penganiayaan terhadap kanak-kanak sebagai mangsa, untuk menerangkan peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang Malaysia yang menyentuh mengenai penganiayaan kanak-kanak, untuk memperjelaskan perlindungan-perindungan yang diberikan kepada kanak-kanak oleh prinsip hukum Islam serta membuat perbandingan di antara undang-undang Malaysia dan prinsip hukum Islam. Bagi mencapai objektif-objektif di atas, penyelidikan perpustakaan dan dokumentasi serta temubual digunakan untuk menyempurnakan kajian ini. Daripada kajian yang dibuat, didapati bahawa statistik yang ada menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi jumlah dan keseriusan kes-kes penganiayaan yang dilaporkan. Oleh itu, terdapat beberapa perkara yang perlu dipinda dalam undang-undang Malaysia yang terpakai sekarang. Ini sangat penting bagi menjamin kehidupan yang lebih cerah kepada pelapis kita di masa depan.



## ABSTRACT

Child abuse and neglect cases had been on the rise in the 1990s and it has become a critical issue that worries the society and government. This is because child abuse and neglect cases are not only individuals' or families' problem but it can lead to a negative impact to the entire society. Among the objectives of this study is to identify the types of child abuse and neglect cases by means of assessing the factors that may influence the rising child abuse cases, to clarify the protection that is bestowed upon the child under the Islamic jurisdiction by making comparison between the Malaysian laws and Islamic law principles. In order to achieve the mentioned objectives, library and documentation research and also interview are made to complete this study. From the outcome, existing statistic shows that there has been a significant increase in the number and seriousness of the reported cases. Hence, this calls for amendments in the current Malaysian law. This is particularly important to ensure a better life for the future generation.

## الْمُلَخَّصُ

إن قضايا إساءة وإهمال الاطفال قد تزايدت إلى فى التسعينيات من هذا القرن  
وصارت هذه المسألة خطيرةً وَقَلِقَةً للمجتمع والدولة، لانها ليست مسألة شخصية أو  
أسرية فقط، ولكنها تُؤثِّرُ أيضاً إلى مجتمعنا بطريقة سيئة. بناءً على ذلك، هناك  
حاجة إلى توجيه هذه المسألة شاملةً واستعاباً. ومن الغايات لهذا البحث هي  
لتحقيق صورٍ عن إساءة وإهمال الاطفال المختلفة ولتقدير العوامل التى تُؤثِّرُ إلى تزايد  
إتجاهها إلى هذه القضايا. ويُقصدُ من هذا البحث أيضاً تحقيق تأثير الإساءة والاهمال  
إلى الاطفال، ولتوضيح أحكام القانون المالزي تحت موضوع إساءة الاطفال، ولتصفي  
الحماية والعناية التى أُعْطِيَتْ للاطفال فى مبادئ الاحكام الاسلامية ولمقارنة بين  
القانون المالزي ومبادئ الاحكام الاسلامية. لنيل هذه الغايات السابقت،  
فالبحت المكتبي والبحت الوثائقي والمقابلة يُستعمل فى تكملة هذا البحث.  
ويُكتشفُ من هذا البحث أن الإحصاء يُظهرُ تزايداً هاماً بنسبة العدد والصرامة  
للقضايا التقريرية. بسبب ذلك، يوجد هناك بعض الأمور التى تحتاج إلى التعديل فى  
القانون المالزي الذى المستعمل فى يومنا هذا. هذا التعديل مهمٌ جداً لاعطاء حياة  
بهيجة إلى أجيالنا المستقبلية.

## **SEKALUNG PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah (s.w.t.) kerana dengan izin dan 'inayahnya dapat penulis menyiapkan kajian ini, walaupun terpaksa menempuh pelbagai kesukaran dan kesulitan. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad (s.a.w.), seterusnya para sahabat dan tabi' tabi'in.

Terlebih dahulu, selaut kasih ditujukan khas buat Mama dan Papa yang tidak putus-putus memberi dorongan dan semangat kepada penulis agar terus maju dan terus tabah dalam hidup. Penghargaan yang tidak terhingga juga buat suami tersayang yang sanggup berpenat lelah membantu penulis menyempurnakan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan istimewa buat penyelia disertasi Puan Siti Zubaidah Bt. Ismail, yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar dan teguran membina kepada penulis dalam usaha untuk menghasilkan sebuah kajian yang baik dan berkualiti.

Sekalung apresiasi ditujukan khas buat para pensyarah dan tenaga pengajar Akademi Pengajian Islam yang telah memberi sumbangan ilmu yang amat berharga kepada penulis, terutama buat Puan Narizan Bt. Abdul Rahman dan Puan Raihanah Bt. Abdullah yang turut memberi idea dan pandangan berguna terhadap kajian penulis.

Tidak lupa penghargaan buat sahabat seperjuangan Wan Salini kerana telah banyak membantu penulis dalam proses untuk menyiapkan kajian ini. Begitu juga kepada Kak Idah yang sudi membantu penulis menjaga anak-anak sepanjang kajian ini dijalankan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Sister Mardziah Bt. Haji Yaakob (Ketua Jururawat Wad KK2, HKL), A.S.P. Halimah Bt. Kawaludin (Pegawai di Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Balai Polis Bukit Aman) dan Ustaz Ghazali Ibrahim (Ekskutif Unit Penerangan, Pusat Zakat Selangor) kerana telah memberikan kerjasama yang baik dalam usaha penulis mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Sekian.

Wan Noor Hazlina Bt. Wan Jusoh

No. 47, Jalan Putra Bahagia 8/2K,

Bandar Putera Heights,

47650 Subang Jaya,

Selangor Darul Ehsan.

25 Ramadhan 1424H

20 November 2003

## **DAFTAR KANDUNGAN**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Halaman</b>
Dedikasi	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Al-Mulakkkhas	v
Sekalung Penghargaan	vi
Daftar Kandungan	viii
Senarai Carta	xii
Senarai Statut	xiii
Senarai Kes	xv
Senarai Kependekan	xvi
Panduan Transliterasi	xvii
Senarai Lampiran	xix

## **PENGENALAN**

	<b>Halaman</b>
1. Latar Belakang Kajian	1
2. Kepentingan Kajian	3
3. Objektif Kajian	5
4. Skop Kajian	5
5. Kajian Terdahulu	6
6. Metodologi Kajian	11

## **BAB 1**

### **LATAR BELAKANG MENGENAI PENGANIAYAAN KANAK-KANAK**

	<b>Halaman</b>
1.1 Pendahuluan	18
1.2 Definisi Penganiayaan	19
1.3 Definisi Kanak-kanak	22
1.3.1 Kanak-kanak dari Perspektif Perundangan di Malaysia	22
1.3.2 Kanak-kanak Menurut Islam	26
1.4 Bentuk-bentuk Penganiayaan Kanak-kanak	29
1.4.1 Penganiayaan Fizikal	30
1.4.2 Penganiayaan Emosi	33
1.4.3 Penganiayaan Seksual	38

1.4.4	Penganiayaan dari Segi Pengabaian	45
1.5	Senario Penganiayaan Kanak-kanak	53
1.5.1	Senario Penganiayaan Kanak-kanak: Perspektif Global	53
1.5.2	Senario Penganiayaan Kanak-kanak: Perspektif Malaysia	58
1.6	Kesimpulan,	63

## BAB 2

### FAKTOR DAN KESAN PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

	<b>Halaman</b>	
2.1	Pendahuluan	65
2.2	Faktor Penganiayaan Kanak-kanak	66
2.2.1	Faktor Usia dan Hubungan Tiri	66
2.2.2	Kurang Kemahiran Keibubapaan	67
2.2.3	Kekeliruan di Antara Disiplin dan Hukuman yang Berbentuk Penderaan	69
2.2.4	Faktor Anak	70
2.2.5	Pengalaman Ibu Bapa yang Dianiaya	75
2.2.6	Masalah Ekonomi dan Tekanan Hidup	79
2.2.7	Faktor Persekitaran	82
2.2.8	Penagihan Arak dan Penyalahgunaan Dadah	83
2.2.9	Kurang Pendidikan dan Pemahaman Agama	85
2.3	Kesan Penganiayaan Terhadap Kanak-kanak	87
2.3.1	Kesan Terhadap Perkembangan	87
2.3.2	Kesan Terhadap Pergaulan	89
2.3.3	Kesan Terhadap Fizikal	91
2.3.4	Kesan Terhadap Mental	95
2.3.5	Kesan Terhadap Pembelajaran	99
2.3.6	Kesan Terhadap Masa Depan	101
2.4	Kesimpulan	103

### BAB 3

#### PERLINDUNGAN BAGI MENANGANI ISU PENGANIAYAAN KANAK-KANAK DARI SUDUT PERUNDANGAN DI MALAYSIA

	<b>Halaman</b>
3.1 Pendahuluan	105
3.2 Undang-undang Sivil	105
3.2.1 Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966	107
3.2.2 Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984	110
3.2.3 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994	111
3.2.4 Kanun Keseksaan	115
3.3 Undang-undang Syariah	120
3.3.1 Akta, Enakmen atau Ordinan Undang-undang Keluarga Islam	121
3.3.2 Akta, Enakmen atau Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah	126
3.4 Kesimpulan	130

### BAB 4

#### PERLINDUNGAN BAGI MENANGANI ISU PENGANIAYAAN KANAK-KANAK DARI SUDUT PERUNDANGAN DI MALAYSIA – KAJIAN KHUSUS TENTANG AKTA KANAK-KANAK 2001

	<b>Halaman</b>
4.1 Pendahuluan	132
4.2 Sorotan Ringkas Perkembangan Mengenai Penggubalan Undang-undang Sivil Berkaitan Penganiayaan Kanak-kanak di Malaysia – Sebelum Akta Kanak-kanak 2001	133
4.3 Akta Kanak-kanak 2001	137
4.4 Kesimpulan	153

## BAB 5

### PERLINDUNGAN BAGI MENANGANI ISU PENGANIAYAAN KANAK-KANAK DARI SUDUT PRINSIP HUKUM ISLAM

	<b>Halaman</b>
5.1 Pendahuluan	155
5.2 Hak Kanak-kanak Menurut Pandangan Islam	156
5.2.1 Hak untuk Hidup, Keselamatan Anggota dan Kehormatan	157
5.2.2 Hak untuk Memiliki Harta dan Perlindungannya	159
5.2.3 Hak Nafkah, Susuan, Pakaian, Perubatan dan Tempat Tinggal	160
5.2.4 Hak untuk Mendapat Kasih Sayang	162
5.2.5 Hak untuk Mendapatkan Pendidikan	163
5.3 Pencegahan Undang-undang	165
5.3.1 Kesalahan <i>Hudūd</i>	166
5.3.2 Kesalahan <i>Qīṣaṣ</i> dan <i>Diyah</i>	171
5.3.3 Kesalahan <i>Ta'zīr</i>	183
5.4 Kesimpulan	185

## BAB 6

### PENUTUP

	<b>Halaman</b>
6.1 Pendahuluan	187
6.2 Rumusan	187
6.3 Saranan	196
6.3.1 Individu	197
6.3.2 Masyarakat	199
6.3.3 Media	200
6.3.4 Kerajaan	200
6.4 Kesimpulan	204



## ***SENARAI CARTA***

Carta 1.1: Statistik Penganiayaan Kanak-kanak Bagi Tahun 1996 – 2001

Carta 1.2: Statistik Penganiayaan Kanak-kanak Mengikut Kaum

Carta 1.3: Statistik Penganiayaan Kanak-kanak Mengikut Bentuk Penderaan  
dan Jantina

Carta 1.4: Statistik Penganiayaan Kanak-kanak Mengikut Umur dan Jantina

Carta 1.5: Statistik Penganiayaan Kanak-kanak Mengikut Pendera

## *SENARAI STATUT*

- Akta Kanak-kanak 2001
- Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966
- Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997
- Akta Mahkamah Juvana 1947
- Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
- Akta Pengangkatan 1952
- Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991
- Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973
- Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984
- Akta Umur Dewasa 1971
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984
- Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
- Enakmen Kanun Jenayah Syar'iyah (Negeri Kelantan) 1985
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah) 1988
- Enakmen Keluarga Islam (Kedah) 1979
- Enakmen Keluarga Islam (Kelantan) 1983
- Enakmen Keluarga Islam (Melaka) 1983

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995  
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 1991  
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 1990  
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 1985  
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 1983  
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pahang) 1987  
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perak) 1984  
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Sabah) 1992  
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984  
Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45)  
Kanun Prosedur Jenayah  
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 1991  
Ordinan Undang-undang Keluarga Islam (Sarawak) 1991  
Perlembagaan Persekutuan

## **SENARAI KES**

	<b>Halaman</b>
<i>Bunga lwn. Muhammad</i> (1983) 4 JH 224 dan 231	127
<i>Lim Teng Leng lwn. P.P</i> [1998] 5 CLJ 403	121
<i>Mohamed lwn. Selamah</i> (1980) 2 JH (1) 95	125
<i>Syed Abu Tahir a/l Mohamad Ismail lwn. P.P</i> [1988] 3 MLJ 485	121

## ***SENARAI KEPENDEKAN***

AKJS WP 1997	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997
AKK 2001	Akta Kanak-kanak 2001
AKKOM 1947	Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947
AMJ 1947	Akta Mahkamah Juvana 1947
AMU 1976	Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
APKK 1991	Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991
AUKI WP 1984	Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984
CLJ	Current Law Journal
JH	Jurnal Hukum
KPNPM	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat
MLJ	Malayan Law Journal
WHO	World Health Organization

## PANDUAN TRANSLITERASI

Bagi perkataan Arab yang digunakan di sini adalah mengikut transliterasi berikut:

Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab
a	ا	t	ط
b	ب	z	ظ
t	ت	'	ع
th	ث	gh	غ
j	ج	f	ف
h	ح	q	ق
kh	خ	k	ك
d	د	l	ل
dh	ذ	m	م
r	ر	n	ن
z	ز	w	و
s	س	h	ه
sh	ش	'	ء
ṣ	ص	y	ي
ḍ	ض	h	ة

## Vokal dan Diftong

Vokal Panjang	Vokal Pendek	Diftong
ā : آ	a : ا	aw : أو
ū : و	u : و	ay : أي
ī : ي	i : ي	iy : إي
		uw : و

Rujukan Transliterasi: *Daftar Ejaan Rumi – Jawi* (1996), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## ***SENARAI LAMPIRAN***

Lampiran A : Akta Kanak-kanak 2001

Lampiran B : Keratan Akhbar



# *PENGENALAN*

## PENGENALAN

### 1. LATAR BELAKANG PERMASALAHAN KAJIAN

Penganiayaan kanak-kanak merupakan suatu penyakit sosial masa kini yang kian menular dalam masyarakat Malaysia. Kes penganiayaan kanak-kanak sememangnya telah lama wujud. Namun, ia mula didedahkan oleh media lebih 10 tahun lalu apabila K. Balasundram yang didera hingga mati pada 13 Mei 1990 merupakan peristiwa besar yang membuka mata semua pihak. Belum lagi kes ini reda, masyarakat dikejutkan pula dengan kes penyiksaan dua beradik, Noor Aryani Zaini, 4 tahun dan Noor Dina Maryana, 3 tahun dari Terengganu pada 21 Disember tahun yang sama. Fenomena ini tidak terhenti setakat itu sahaja, sebaliknya kes penganiayaan kanak-kanak terus meningkat dan terus didedahkan oleh media massa. Ia bukan sahaja melibatkan penganiayaan fizikal<sup>1</sup>, bahkan juga membabitkan penganiayaan seksual<sup>2</sup>, emosi<sup>3</sup> dan pengabaian<sup>4</sup>. Antara bentuk-bentuk penganiayaan fizikal yang berlaku pada hari ini ialah memukul dan merotan sehingga mencederakan kanak-kanak, mencucuh kanak-kanak dengan api puntung rokok, menyimbah air panas dan sebagainya. Bentuk-bentuk penganiayaan seksual pula

<sup>1</sup> Sila rujuk: "Si Ibu Dajal", *Metro Ahad*, (24 Jun 2001), m. s. 1; "Mangsa Dera Bapa Tiri Semakin Sihat", *Berita Minggu*, (18 Mei 2003), m. s. 10.

<sup>2</sup> Sila rujuk: "Tiga Sekeluarga Dituduh Rogol Kanak-kanak 12 Tahun", *Utusan Malaysia*, (12 April 2002), m. s. 1; "Pemandu Lori Rogol Anak Dihukum 10 Mei", *Utusan Malaysia*, (13 April 2002), m. s. 10; "Bapa Rogol Anak Dihukum Penjara 12 Tahun, 12 Sebatan", *Utusan Malaysia*, (16 April 2002), m. s. 14; "Gadis Buat Laporan Polis Dakwa Dirogol Bapa", *Utusan Malaysia*, (27 April 2002), m. s. 10; "Cabby Jailed 15 Years for Rape", *The Star*, (12 April 2003), m. s. 21; "Pensioner Jailed 70 Years for Sodomy and Indecency", *The Star*, (8 Mei 2003), m. s. 3; "Lelaki Berzina dengan Anak Saudara", *Berita Minggu*, (18 Mei 2003), m. s. 10.

<sup>3</sup> Sila rujuk: Norliza Abd. Rahman, "Rintihan Gadis 16 Tahun Dinodai Datuk Sendiri", *Utusan Malaysia*, (10 April 2002), m. s. 1 & 4; "Tiga Beradik Mangsa Sumbang Mahram Takut Tinggal dengan Saudara-mara", *Utusan Malaysia*, (12 April 2002), m. s. 16.

<sup>4</sup> Sila rujuk: "Bayi Perempuan Ditemui dalam Kotak", *Berita Harian*, (25 April 2002), m. s. 11.

ialah rogol, sumbang mahram, liwat dan gangguan seksual. Seringkali terpampang di dada-dada akhbar kes bapa rogol anak, datuk rogol cucu, abang rogol adik<sup>5</sup> dan sebagainya yang sekaligus mengakibatkan tekanan yang teruk kepada mangsa yang menyebabkan berlaku pula penganiayaan emosi.<sup>6</sup> Dalam kes pengabaian pula, kebajikan anak-anak diabaikan tanpa pendidikan dan masa depan yang baik. Ini berlaku terutama kepada kanak-kanak yang dipaksa menjadi pengemis.

Perbuatan ini yang merupakan suatu jenayah adalah suatu malapetaka yang menjurus kepada keruntuhan institusi keluarga. Penganiayaan kanak-kanak bukan sekadar masalah individu atau keluarga, tetapi turut melibatkan masyarakat keseluruhannya. Ini kerana, mangsa penderaan kanak-kanak berkemungkinan besar akan membesar sebagai seorang pendera pula, seterusnya cenderung untuk melakukan perkara yang sama terhadap anak-anak mereka. Begitulah seterusnya yang akan berlaku sekiranya perbuatan ini tidak ditangani dengan segera yang akhirnya akan merosakkan organisasi sesebuah masyarakat. Ini tidak termasuk impak-impak lain yang tidak kurang hebatnya.

Kesan penganiayaan kanak-kanak ke atas mangsa adalah sangat buruk dan akan berpanjangan sepanjang hayat. Agak sukar untuk mengukur secara tepat sejauh manakah penganiayaan ini berlaku dalam masyarakat kita kerana dipercayai masih terdapat banyak kes yang tidak dilaporkan. Dalam hal ini, undang-undang

---

<sup>5</sup> Sila rujuk: "Tiga Sekeluarga Dituduh Rogol Kanak-kanak 12 Tahun", *Utusan Malaysia*, (12 April 2002), m.s. 1.

<sup>6</sup> Sila rujuk: "Tiga Beradik Mangsa Sumbang Mahram Takut Tinggal dengan Saudara-mara", *Utusan Malaysia*, (12 April 2002), m.s. 16.

memainkan peranan penting bagi mengekang perbuatan keji dan terkutuk ini daripada berterusan. Akan tetapi, setelah pelbagai langkah melalui pelaksanaan hukuman telah diambil oleh kerajaan, kes ini masih meningkat dari semasa ke semasa.

Senario yang mencemaskan ini telah melontarkan persoalan kepada penulis, apakah peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh undang-undang Malaysia bagi menangani permasalahan ini dan dalam Akta manakah ia diperuntukkan serta sejauh manakah keberkesanannya? Maka, kajian ini dibuat bagi menjawab persoalan-persoalan ini. Bagi menyokong perbincangan ini, faktor dan kesan penganiayaan kanak-kanak perlu dikaji kerana tanpa adanya faktor, sesuatu permasalahan itu tidak akan tercetus, dan apabila permasalahan tercetus pasti ada kesannya terutama kesan negatif yang sekaligus mendorong kerajaan menggubal suatu undang-undang bagi membanteras permasalahan tersebut. Selain daripada itu, kajian ini turut membincangkan permasalahan penganiayaan kanak-kanak dari perspektif Islam bagi membuat perbandingan di antara undang-undang Malaysia dan prinsip hukum Islam terutama mengenai perlindungan dan hukuman yang ditentukan oleh kedua-dua undang-undang dan prinsip hukum tersebut.

## **2. KEPENTINGAN KAJIAN**

Dapatan daripada statistik yang menunjukkan peningkatan kes penganiayaan kanak-kanak di Malaysia dari tahun ke tahun telah menarik perhatian penulis untuk membuat kajian mengenainya, terutama kajian dari aspek perundangan. Bagi penulis, kajian ini penting dan perlu dilakukan untuk mengenalpasti perlindungan-

perlindungan yang diperuntukkan oleh undang-undang Malaysia bagi menangani masalah penganiayaan kanak-kanak. Ini kerana, undang-undang memainkan peranan penting dalam usaha melindungi kanak-kanak daripada terus teraniaya.

Walaupun begitu, kajian mengenai penganiayaan kanak-kanak bukanlah suatu perkara yang baru sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Selepas kajian pertama yang dilakukan oleh Profesor C. Henry Kempe pada tahun 1962 melalui tulisannya yang bertajuk *The Battered Child Syndrome*,<sup>7</sup> pelbagai kajian susulan telah dilakukan mengenai penganiayaan kanak-kanak sehingga kini dalam pelbagai aspek dan perspektif, sama ada dari aspek sosiologi, psikologi, perubatan atau perundangan. Walaupun sudah terdapat beberapa kajian mengenai penganiayaan kanak-kanak dari sudut perundangan, masih belum terdapat lagi satu kajian khusus yang dibuat mengenai penganiayaan kanak-kanak dari sudut perundangan di Malaysia dengan perbincangan mengenai Akta Kanak-kanak 2001 dan pada masa yang sama membuat perbandingan di antara undang-undang Malaysia dan prinsip hukum Islam.

Seterusnya penulis menjangkakan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak bagi menangani permasalahan penganiayaan kanak-kanak daripada terus berleluasa di dalam masyarakat. Ini kerana, di akhir kajian ini turut dimuatkan beberapa saranan yang dirasakan perlu bagi membanteras permasalahan ini hingga ke

---

<sup>7</sup> World Health Organization (2002), Etienne G. Krug *et al.* (ed), *World Report on Violence and Health*. Geneva: Publications of the World Health Organization, m.s: 59; Duncan Lindsey, "An Introduction to Child Abuse", *Child Welfare*, <http://www.childwelfare.com/kids/caintro.htm>, 25 Jun 2003.

akar umbi yang merangkumi saranan kepada empat kumpulan sasar iaitu saranan untuk individu, masyarakat, media dan kerajaan.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif yang cuba dicapai melalui kajian ini ialah:

- i) Mendedahkan bentuk-bentuk penganiayaan kanak-kanak yang wujud pada hari ini.
- ii) Mencari punca sebenar berlakunya penganiayaan kanak-kanak dan memaparkan kesan-kesannya terhadap kanak-kanak.
- iii) Menjelaskan peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh undang-undang Malaysia bagi menangani permasalahan penganiayaan kanak-kanak.
- iv) Menerangkan perlindungan-perindungan termasuk hak yang diberikan oleh Islam terhadap kanak-kanak.
- v) Membuat perbandingan di antara Undang-undang Malaysia dan prinsip hukum Islam dalam menangani isu penganiayaan kanak-kanak.

### **4. SKOP KAJIAN**

Kajian ini tertumpu kepada isu penganiayaan kanak-kanak dari sudut perundangan di Malaysia yang merangkumi undang-undang sivil dan syariah tetapi turut membincangkannya dari sudut prinsip hukum Islam untuk dibuat perbandingan. Ia juga merangkumi semua bentuk penganiayaan sama ada fizikal, emosi, seksual dan

pengabaian. Di antara topik-topik berkaitan yang diperbincangkan ialah definisi “penganiayaan kanak-kanak”, definisi “kanak-kanak”, senario penganiayaan kanak-kanak dalam jangkamasa 10 tahun yang lepas serta faktor dan kesan penganiayaan kanak-kanak.

Bagi undang-undang Malaysia, peruntukan-peruntukan yang diperbincangkan ialah daripada Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966, Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-kanak 2001 bagi undang-undang Sivil serta Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997 bagi Undang-undang Syariah. Manakala bagi prinsip hukum Islam pula, sebahagian besar datanya diambil daripada *kitab-kitab fiqh* khusus dalam *Bab al-Jinayah* kerana perbuatan menganiaya kanak-kanak sememangnya dikategorikan sebagai satu perbuatan jenayah.

## 5. KAJIAN TERDAHULU

Terdapat beberapa kajian yang berkait secara langsung dan tidak langsung dengan tajuk kajian penulis. Antaranya ialah *The Broken Taboo: Sex in the Family*<sup>8</sup> buku yang dihasilkan oleh Blair dan Rita Justice merupakan suatu kajian yang membincangkan mengenai inses atau sumbang mahram. Kupasan yang dibuat adalah mengenai definisi inses, siapa pelaku inses, faktor berlakunya inses, tanda-tanda dan kesan-kesan akibat inses serta penyelesaian kepada masalah inses. Kajian ini jelas

<sup>8</sup> Blair & Rita Justice (1979), *The Broken Taboo: Sex In The Family*. London: Human Sciences Press.

## *Pengenalan*

merupakan kajian mengenai salah satu bentuk penganiayaan seksual kanak-kanak dari perspektif sosiologi yang nyata berbeza dengan kajian penulis yang membincangkan kesemua bentuk penganiayaan kanak-kanak secara menyeluruh dari perspektif undang-undang.

Kajian yang dibuat oleh Christina Lyon dan Peter de Cruz melalui buku mereka *Child Abuse*<sup>9</sup> pula membincangkan mengenai penganiayaan kanak-kanak yang antaranya merangkumi kupasan mengenai definisi, bentuk-bentuk penganiayaan dan isu-isu berkaitan dengan penganiayaan kanak-kanak. Walaupun kajian ini menyentuh mengenai kesemua bentuk penganiayaan kanak-kanak, ia tetap berbeza dengan kajian penulis disebabkan oleh perspektif yang berlainan iaitu sosiologi dan perundangan.

*Child Abuse Trauma*<sup>10</sup> hasil tulisan John N. Briere adalah suatu kajian mengenai trauma yang dihadapi oleh mangsa penganiayaan kanak-kanak yang antara lain membincangkan tentang kesan-kesan yang dihadapi oleh mangsa secara umum, kesan jangka panjang terhadap tindak balas psikologi dan kesan jangka panjang terhadap sikap dan hubungan. Secara ringkasnya, ia adalah sebuah kajian berasaskan psikologi dan ini nyata berlainan dengan kajian penulis yang berasaskan undang-undang.

---

<sup>9</sup> Christina Lyon & Peter de Cruz (1990), *Child Abuse*. Bristol: Family Law Jordan & Sons Limited.

<sup>10</sup> John N. Briere (1992), *Child Abuse Trauma*. London: Sage Publications.



Di dalam negara ini pula, *Penderaan Emosi Kanak-kanak Trauma Terselindung*<sup>11</sup> buku yang ditulis oleh Dr. Kasmini Kassim juga merupakan kajian berasaskan psikologi yang memberikan penekanan khusus terhadap penderaan emosi kanak-kanak yang antara lain mengupas mengenai definisi penderaan emosi, ciri-ciri, insiden dan kesan dari penderaan emosi terhadap kanak-kanak. Ini nyata berbeza dengan kajian penulis yang membincangkan kesemua bentuk penganiayaan kanak-kanak iaitu penganiayaan fizikal, emosi, seksual dan pengabaian serta memfokuskannya dari sudut perundangan.

Manakala buku hasil tulisan Atikah Ghazali dan Fauziah Mohammad yang bertajuk *Penganiayaan Kanak-kanak: Penyelesaian Menurut Islam*<sup>12</sup> adalah kajian yang memfokuskan kepada langkah-langkah penyelesaian bagi permasalahan penganiayaan kanak-kanak menurut kaca mata Islam yang antara lain membincangkan mengenai bentuk-bentuk penganiayaan, faktor dan kesan penganiayaan terhadap kanak-kanak dan akhir sekali jalan penyelesaian menurut Islam tanpa menyentuh sedikitpun persoalan perundangan. Kajian ini berlainan dengan kajian penulis yang menjadikan aspek perundangan sebagai fokus utama.

Sementara buku yang ditulis oleh Anisah Che Ngah yang bertajuk *Penganiayaan Kanak-kanak Satu Kajian Sosio-Perundangan*<sup>13</sup> pula merupakan

---

<sup>11</sup> Kasmini Kassim (1998), *Penderaan Emosi Kanak-kanak Trauma Terselindung*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>12</sup> Atikah Ghazali & Fauziah Mohammad (1998), *Penganiayaan Kanak-kanak Penyelesaian Menurut Islam*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.

<sup>13</sup> Anisah Che Ngah (2002), *Penganiayaan Kanak-kanak: Satu Kajian Sosioperundangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

kajian mengenai penganiayaan kanak-kanak yang membincangkannya dari dua perspektif iaitu undang-undang sosiologi. Walaupun terdapat perbincangan dari perspektif undang-undang, ia tetap berbeza dengan kajian penulis kerana kajian yang dibuat oleh Atikah menyentuh mengenai perlindungan di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 dan Akta Mahkamah Juvana 1947 serta kedudukan mangsa kanak-kanak sebagai saksi dalam perbicaraan. Akan tetapi, penulis pula menyentuh mengenai perlindungan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan beberapa Akta lain yang berkaitan tanpa membincangkan kedudukan mangsa kanak-kanak sebagai saksi dalam perbicaraan.

“Perlindungan Kanak-kanak dalam Islam dan Perlaksanaannya Menurut Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984”<sup>14</sup> yang ditulis oleh Sharifah Zaharah Syed Mohammad, disertasi Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya mempunyai kaitan langsung dengan kajian yang dibuat dan banyak membantu penulis bagi memahami bentuk-bentuk penganiayaan kanak-kanak dan perlindungan kanak-kanak dalam Islam. Namun begitu, kajian ini lebih tertumpu kepada perlindungan kanak-kanak dalam skop yang lebih luas, dan ini berbeza dengan kajian penulis yang menjurus kepada perlindungan yang diberikan oleh Undang-undang Malaysia dalam isu penganiayaan kanak-kanak.

---

<sup>14</sup> Sharifah Zaharah Syed Mohammad (1997), “Perlindungan Kanak-kanak Dalam Islam dan Perlaksanaannya Menurut Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984” (Disertasi Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

“Child Abuse: Protections Afforded By Law”<sup>15</sup> yang dihasilkan oleh Narizan Bt. Abdul Rahman, disertasi Kulliyyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa juga mempunyai kaitan langsung dengan kajian penulis terutama dari segi fokus kajian iaitu mengenai perlindungan yang diperuntukkan oleh Undang-undang Malaysia dalam menangani isu penganiayaan kanak-kanak. Walaupun begitu, terdapat perbezaan ketara dari segi penggunaan akta, kerana kajian ini menumpukan kepada Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang berkuatkuasa ketika itu, manakala kajian penulis pula tertumpu kepada Akta Kanak-kanak 2001 yang baru dikuatkuasakan. Selain daripada itu, gaya perbincangan yang dipersembahkan di dalam kajian ini juga berbeza dengan kajian penulis.

Kajian yang dibuat oleh Khadijah Bte. Alavi melalui tajuk “Penderaan Kanak-kanak: Satu Kajian Kes-kes Rawatan Di Hospital Universiti Kuala Lumpur”<sup>16</sup>, disertasi Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pula memberi tumpuan utama kepada program perlindungan dan pencegahan penderaan kanak-kanak yang terdapat di Hospital Universiti Kuala Lumpur. Ini jelas berbeza dengan kajian penulis yang menumpukan penganiayaan kanak-kanak dari aspek perundangan.

---

<sup>15</sup> Narizan Binti Abdul Rahman (1993/94), “Child Abuse; Protections Afforded by Law”, (Tesis, Kulliyyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa).

<sup>16</sup> Khadijah Bte. Alavi (1999), “Penderaan Kanak-kanak: Satu Kajian Kes-kes Rawatan Di Hospital Universiti Kuala Lumpur”, (Disertasi Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

Artikel yang ditulis oleh Zulazhar Bin Tahir yang bertajuk “Meninjau Isu Penderaan Kanak-kanak dari Perspektif Akta Kanak-kanak 2001”<sup>17</sup> pula adalah kajian mengenai perlindungan bagi mangsa penganiayaan kanak-kanak yang diperuntukkan di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Walaupun kajian ini merupakan kajian dari perspektif perundangan, ia tetap berbeza dengan kajian penulis kerana kajian tersebut hanya mengupas perlindungan tersebut secara ringkas sahaja dan tiada perbandingan dibuat antara Akta tersebut dengan prinsip hukum Islam.

Melihat kepada kajian-kajian terdahulu yang telah dibuat berkaitan dengan tajuk penganiayaan kanak-kanak, secara kesimpulannya tidak terdapat lagi satu kajian khusus yang mengemukakannya dari sudut perundangan di Malaysia dengan perbincangan mengenai Akta Kanak-kanak 2001 yang baru sahaja dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2002 serta perbandingan di antara undang-undang Malaysia dengan prinsip hukum Islam. Oleh itu, kajian ini amat penting untuk memberikan pendedahan terbaru mengenai perkembangan perundangan di Malaysia, khususnya dalam isu penganiayaan kanak-kanak.

## 6. METODOLOGI KAJIAN

Dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini, penulis menggunakan beberapa metode, antaranya:-

---

<sup>17</sup> Zulazhar Tahir (2002), “Meninjau Isu Penderaan Kanak-kanak Dari Perspektif Akta Kanak-kanak 2001”, Siti Zaharah Jamaluddin *et al.* (ed), *Siri Undang-undang Mimi Kamariah – Akta Kanak-kanak 2001*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

## **A. Pengumpulan Data**

Dalam pengumpulan data, penulis menggunakan tiga bentuk penyelidikan iaitu:

### **i. Penyelidikan Perpustakaan**

Penyelidikan perpustakaan merupakan kaedah pengumpulan data utama yang digunakan oleh penulis. Ini kerana, data-data yang diperlukan bagi kajian ini melibatkan definisi, konsep, teori, peruntukan undang-undang, kajian kes, penentuan hukuman dalam Islam dan membabitkan hadith-hadith bagi menyokong perbincangan tertentu. Bagi mendapatkan data-data yang berhubung dengan definisi, konsep dan teori, penulis memerlukan bahan-bahan bercetak seperti buku dan jurnal dalam pelbagai bahasa sama ada dalam Bahasa Melayu, Inggeris atau Arab sebagai rujukan utama. Bagi mengetahui peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan penganiayaan kanak-kanak pula penulis perlu merujuk kepada beberapa statut tertentu bagi membuat analisa dan kupasan yang lebih terperinci. Susulan dengan itu, beberapa kajian kes perlu dilakukan bagi menyokong peruntukan-peruntukan tertentu dan melihat bentuk penghakiman yang dibuat, dan ini memerlukan penulis merujuk kepada beberapa jurnal seperti *Malayan Law Journal (MLJ)*, *Current*

Law Journal (CLJ), Jurnal Hukum (JH) dan sebagainya.<sup>18</sup> Manakala bagi menentukan hukuman bagi penganiaya kanak-kanak melalui prinsip hukum Islam, penulis perlu merujuk kepada kitab-kitab pelbagai mazhab iaitu daripada Mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali seperti kitab *Badā'i' al-Shanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, *Mudawwanah al-Kubrā*, *Al-Muhadhdhab dan Al-Mughnī* untuk melihat perbandingan dan membuat kupasan secara menyeluruh. Bagi perbincangan yang memerlukan sokongan hadith pula, rujukan daripada kitab-kitab hadith mu'tabar terutama daripada *Sunan Sittah* diperlukan untuk memastikan kesahihan hadith tersebut. Dalam hal ini, kesemua bahan yang disebutkan hanya atau boleh didapati di perpustakaan. Dengan sebab itulah penyelidikan perpustakaan menjadi kaedah pengumpulan data utama dalam kajian penulis.

## ii. Penyelidikan Dokumentasi

Selain daripada penyelidikan perpustakaan, penulis juga menggunakan penyelidikan dokumentasi dalam pengumpulan data. Penyelidikan dokumentasi adalah pengumpulan data dengan cara mengkaji dokumen yang berhubung dengan masalah yang dikaji. Penyelidikan ini lebih melibatkan bahan-bahan yang tidak bercetak seperti kertas-kertas kerja seminar, laporan-laporan dan rekod-rekod rasmi dari jabatan berkaitan. Contohnya, data-data dan statistik mengenai penganiayaan kanak-kanak yang diperolehi daripada

---

<sup>18</sup> Walau bagaimanapun, tidak banyak kes berkaitan penganiayaan kanak-kanak ini dapat dikaji kerana kes-kes sebegini dilindungi di bawah seksyen 15 Akta Kanak-kanak 2001 iaitu peruntukan mengenai "Sekatan ke atas laporan dan penyiaran media".

Pasukan SCAN, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Selain daripada itu, penulis juga banyak memperolehi data-data melalui artikel-artikel dari internet terutama mengenai senario penganiayaan kanak-kanak di seluruh dunia dan statistik terkini.

### **iii. Temubual**

Untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas, penulis juga telah membuat beberapa siri temubual dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan masalah kajian ini. Sebagai contoh, penulis telah menemubual Sister Mardziah Bt. Hj. Yaakob yang merupakan Ketua Jururawat Wad KK2, Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan bertanggungjawab mengemaskinikan maklumat bagi Pasukan *Suspected Child Abuse and Neglect* (SCAN) HKL untuk mengetahui kes-kes penganiayaan kanak-kanak yang dilaporkan melalui SCAN. Selain daripada itu, penulis juga turut menemubual ASP. Halimah Bt. Kawaludin yang merupakan pegawai polis di Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman bagi mendapatkan maklumat mengenai penganiayaan kanak-kanak yang berlaku di Malaysia serta statistik yang berkaitan dengan isu tersebut. Kedua-dua temubual yang dilakukan adalah dalam bentuk *open-ended interview*.

## **B. Analisa Data**

Segala data yang telah diperolehi sama ada daripada sumber primer atau sekunder, bersifat kualitatif atau kuantitatif perlu dianalisa untuk melihat dan mengenalpasti hubungan yang ada di antara persoalan yang hendak dikaji dengan data-data yang diperolehi. Justeru itu, dalam menganalisa data-data yang diperolehi, penulis menggunakan kaedah-kaedah berikut:

### **i. Kaedah Induktif**

Menerusi kaedah induktif, penulis memulakan analisa dengan mengumpulkan data-data yang berkaitan, melihat keseluruhan data tersebut dan seterusnya memadankannya dengan konsep-konsep yang digariskan. Kaedah induktif ini diasaskan dari pola berfikir yang bermula dengan mendapatkan data-data yang bersifat khusus untuk merumuskan sesuatu konsep yang bersifat umum atau general.

Sebagai contoh, penulis memaparkan secara terperinci peruntukan-peruntukan mengenai penganiayaan kanak-kanak yang terdapat dalam Akta Kanak-kanak 2001. Maka, data-data yang khusus ini dikaji bagi memahami perkembangan isu penganiayaan kanak-kanak dari sudut perundangan di Malaysia secara umumnya.



**ii. Kaedah Deduktif**

Kaedah deduktif adalah cara berfikir untuk mendapatkan bukti keterangan berdasarkan data-data yang bersifat umum untuk melahirkan data-data yang bersifat khusus. Melalui kaedah ini, penulis membentuk konsep-konsep yang umum atau kesimpulan data terlebih dahulu. Kemudian, barulah dikumpulkan data-data khusus yang berkaitan dan menguji hipotesis-hipotesisnya serta menjawab persoalan yang dikaji.

Sebagai contoh, penulis memaparkan data-data umum mengenai senario penganiayaan kanak-kanak masa kini yang diperolehi daripada beberapa statistik. Maka, data-data yang bersifat umum ini dikaji bagi mendapatkan data-data berkaitan faktor-faktor dan kesan-kesan penganiayaan tersebut terhadap kanak-kanak.

**iii. Kaedah Komparatif**

Menerusi pendekatan komparatif pula, penulis membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan pada data-data yang diperolehi. Segala data, fakta dan pendapat yang berautoriti dikumpulkan serta dibuat perbandingan dan kesimpulan. Di dalam kajian ini, perbandingan lebih tertumpu kepada data dan fakta mengenai perlindungan terhadap kanak-kanak dan hukuman bagi kesalahan menganiaya kanak-kanak menurut undang-undang Malaysia

dan prinsip hukum Islam dengan melihat kepada persamaan dan perbezaan yang terdapat pada kedua-keduanya.

2